



BENGKEL PERSEDIAAN ANDA

**SEJARAH SPM 2022
KEJAYAAN MENANTI ANDA**

BENGKEL PERSEDIAAN ANDA

TEKNIK MENJAWAB SEJARAH KERTAS 1

KERTAS 1 : (1249/1)

JUMLAH SOALAN : 40 (20 T4 & 20 T5)

MESTI BETUL : 30 DAN KE ATAS (SKOR A+, A, A-)

16 KE ATAS (LULUS MINIMUM E)

SOALAN OBJEKTIF (KONSEP)

2 Masyarakat zaman Kesultanan Melayu Melaka mematuhi segala arahan pemerintah dan tidak berani membantah kerana takut ditimpa kecelakaan.

Apakah maksud kecelakaan?

- A Tulah
- B Waadat
- C Derhaka
- D Sumpah

SOALAN OBJEKTIF (ARAS TINGGI)

3 Pada tahun 1928, Kongres Pemuda Indonesia melahirkan ikrar “Sumpah Pemuda” yang menjadi tonggak nasionalisme.

Manakah antara berikut merupakan asas dalam sumpah tersebut?

- I Menggerakkan pemuda Indonesia
 - II Membebaskan Indonesia daripada penjajah
 - III Mengaku sebagai satu bangsa Indonesia
 - IV Mengutamakan bahasa Indonesia sebagai bahasa persatuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

CARA KUASAI K1 :

- 1) LATIHAN OBJEKTIF MAKSIMUM (800 SOALAN)**
- 2) KATA KUNCI DALAM KERTAS A4**

RUJUK M/S 1 (KATA KUNCI T4 DAN JAWAPAN)

Hubungan rakyat dengan pemerintah

- ketaatan

Cara Melaka luaskan pengaruh

- menaungi / menetapkan sempadan

Kesan isu kasut di Burma

- membangkitkan nasionalisme

Cara Jerman langgar syarat Perjanjian Versailles

- memperbesarkan tentera

Sebab KMM bekerjasama dengan Jepun

- menghalau penjajah British

Leftenan Adnan Saidi & Leftenan Ibrahim Alla

- memperjuangkan kedaulatan negara

Peranan BMA

- memulihkan kepercayaan rakyat

RUJUK M/S 1 (KATA KUNCI T4 DAN JAWAPAN)

Faktor Malayan Union dibatalkan

- perpaduan orang Melayu

Kandungan PTM 1948

- Raja Berpelembagaan / Jus Soli diterima

PUTERA-AMCJA / Dr.Burhanuddin – Tan Cheng Lock cadang Perlembagaan Rakyat.

- menolak Perjanjian PTM 1948

Sebab PKM serang balai polis/bunuh penduduk/musnah ladang

- melemahkan kerajaan

Peristiwa Darurat Diumumkan

- pengurus ladang dibunuh

Kepentingan Sistem Ahli

- melatih pemimpin mentadbir kerajaan

RUJUK M/S 1 (KATA KUNCI T4 DAN JAWAPAN)

Kesan dasar pentadbiran British dalam Pendidikan

- Sekolah Vernakular ditubuhkan

Kesan Perikatan UMNO -MCA menang pilihanraya negeri

- kerjasama kaum diterima

Kesan Parti Perikatan menang Pilihanraya Umum 1955

- permuafakatan diterima

Sebab Tunku Abdul Rahman naik kapal terbang dan kapal laut dari KL ke London semasa rombongan merdeka.

- menyusun perundingan dengan pemimpin Tanah Melayu

Peristiwa Tunku Abdul Rahman pulang dari London dan diarak di Bandar Hilir Melaka.

- Tarikh kemerdekaan diumumkan

Kepentingan Jawatankuasa Fizikal dan Sambutan Merdeka.

- Menonjolkan identiti negara

BENGKEL PERSEDIAAN ANDA

TEKNIK MENJAWAB SEJARAH KERTAS 2

KERTAS 1 : (1249/2)

JUMLAH SOALAN : 9 SOALAN (4 SOALAN BAHAGIAN A & 5 SOALAN BAHAGIAN B)

Jumlah Markah Fakta : 60 Markah

Jumlah Markah KBAT : 40 Markah

Jumlah Markah Keseluruhan : 100 Markah

MESTI BETUL : 70/100 KE ATAS (SKOR GRED A+, A , A-)

MESTI BETUL : 40/100 KE ATAS (SKOR LULUS MINIMUM GRED E)

BAHAGIAN A (STRUKTUR)	SOALAN 1 (a) 2 <u>markah</u> (b) 4 <u>markah</u> (C) 4 MARKAH	SOALAN 2 (a) 2 <u>markah</u> (b) 4 <u>markah</u> (C) 4 MARKAH	SOALAN 3 (a) 2 <u>markah</u> (b) 4 <u>markah</u> (C) 4 MARKAH	SOALAN 4 (a) 2 <u>markah</u> (b) 4 <u>markah</u> (C) 4 MARKAH	
BAHAGIAN B (ESEI)	SOALAN 5 (a) 4 <u>markah</u> (b) 8 <u>markah</u> (C) 8 MARKAH	SOALAN 6 (a) 4 <u>markah</u> (b) 8 <u>markah</u> (C) 8 MARKAH	SOALAN 7 (a) 4 <u>markah</u> (b) 8 <u>markah</u> (C) 8 MARKAH	SOALAN 8	SOALAN 9

TINGKATAN 4

BAB	TAJUK	
1	WARISAN NEGARA BANGSA	1
2	KEBANGKITAN NASIONALISME	
3	KONFLIK DUNIA/PENDUDUKAN JEPUN DINEGARA KITA	
4	ERA PERALIHAN KUASA BRITISH	2
5	PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948	
6	ANCAMAN KOMUNIS & DARURAT	
7	USAHA KE ARAH KEMERDEKAAN	1
8	PILIHAN RAYA	
9	PERLEMBAGAAN PTM 1957/SURUHANJAYA REID	
10	PEMASYURAHAN KEMERDEKAAN	1

TINGKATAN 5

BAB	TAJUK	
1	KONSEP KEDAULATAN NEGARA	
2	PERKEMBANGAN PERSEKUTUAN	
3	RAJA BERPERLEMBAGAAN & DEMOKRASI BERPARLIMEN	2
4	SISTEM PERSEKUTUAN	
5	PEMBENTUKAN MALAYSIA	1
6	CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA	
7	MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA	1
8	MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA	
9	DASAR LUAR MALAYSIA	
10	KECEMERLANGAN MALAYSIA PERSADA DUNIA	1

**JOM KITA
MULAKAN**

**SOALAN
I**

TARGET MARKAH: 8/10

- 1 Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua buah buku teks undang - undang tradisional di Melaka yang berasaskan syariah dan hukum adat.

Sumber : Liaw Yock Fang, 1976, UndangUndang Melaka (The Law of Malacca)

- (a) Nyatakan dua undang-undang yang diperkenalkan semasa Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

****** Soalan Fakta (Pengetahuan). Huruf Roman. Jawapan Ringkas.**

(i)

(ii)

[2 markah]



(i) Hukum Kanun Melaka

(ii) Undang-Undang Laut Melaka

(b) Jelaskan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

******Soalan Fakta (Jelaskan Ciri-Ciri). Jawapan Mesti Ayat Lengkap.**

.....

.....

.....

[4 markah]



Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka diketuai sultan sebagai pemerintah.

Selain itu, terdapat Sistem Pembesar Empat Lipatan iaitu Bendahara dan Laksamana.

Akhir sekali, sistem pentadbiran Melayu Melaka mempunyai dua peringkat iaitu pusat dan jajahan.

(c) Hubungan rakyat dan pemerintah semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka boleh dikaitkan dengan peribahasa “Kerja raja dijunjung, kerja sendiri dikelek”

Sumber : Liaw Yock Fang, 1976, UndangUndang Melaka (The Law of Malacca)

Jelaskan perkaitan peribahasa tersebut dengan tanggungjawab rakyat kepada raja.

Jawapan calon cemerlang

Perkaitan peribahasa tersebut dengan tanggungjawab rakyat kepada raja ialah tentang nilai ketaatan rakyat kepada raja. Ketaatan boleh dilihat melalui kepatuhan rakyat dengan segala arahan raja dan tidak sesekali menderhaka kerana takut ditimpa tulah.

Peribahasa kerja raja dijunjung juga dapat dilihat apabila rakyat bersedia menjadi tentera untuk raja dan membina istana. Mekanakala, kerja sendiri dikelek bermaksud rakyat juga mempunyai kerja sendiri seperti petani dan peniaga. Akhirnya, peribahasa ini juga membolehkan keamanan negara terjaga dan hubungan baik rakyat dan raja juga terpelihara

JAWAPAN CALON LEMAH

(c)

Perkaitan peribahasa tersebut dengan tanggungjawab rakyat terhadap raja ialah rakyat ikut kata raja.

Selain itu, rakyat jangan lawan raja sebab raja ketua rakyat.

Akhir sekali, rakyat mesti sayang raja dan rakyat mesti tolong raja jika raja mahu minta tolong.

Mengapakah sesebuah negara memerlukan sistem pentadbiran yang mantap?

1) Soalan KBAT Terbuka.

2) Baca soalan berulang kali. Fahamkan ayat. Fahamkan perkataan.

3) Jawapan memerlukan kebaikan (positif) atau Keburukan (negatif)

4) Turun Kepala Soalan Mengikut Kesesuaian.

5) Guna kata hubung dan penanda wacana yang sesuai.

6) Jangan bina jawapan bentuk nombor/point/bintang.

JAWAPAN CALON LEMAH

(c) Mengapakah sesebuah negara memerlukan sistem pentadbiran yang mantap?

Sesebuah negara memerlukan sistem pentadbiran yang mantap kerana mahu majukan ini negara.

Selain itu, sesebuah negara memerlukan sistem pentadbiran yang mantap kerana rakyat aman hidup ini negara.

Selain itu, orang mahu cari duit perniagaan akan banyak. Akhir sekali, jangan rasuah ini negara tidak berlaku.

**JOM KITA
MULAKAN**

**SOALAN
2**

TARGET MARKAH: 8/10

2. Maklumat berikut berkaitan dengan negara-negara yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua telah bermula tahun 1939 hingga 1945.



- Britain
- Perancis
- X
- Y



(a) Senaraikan negara X dan Y?

******Soalan Fakta (Pengetahuan). Guna huruf X dan Y.**

X Jerman

Y Amerika Syarikat

[2 markah]

(b) Mengapakah peperangan tersebut berlaku?

****** Soalan Fakta (Faktor/Sebab/Mengapa). Jawapan mesti ayat lengkap.**

.....

.....

.....

[4 markah]

CONTOH JAWAPAN RINGKAS TAPI TEPAT

Peperangan tersebut berlaku kerana muncul ideologi baru seperti Nazisme di Jerman.

Selain masalah ekonomi di Jerman juga mencetuskan perang.

Kemudian, Jerman tidak puas hati dengan Perjanjian Versailles kerana perjanjian ini tidak adil malah menjejaskan kedaulatan Jerman.

(c) Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu 1945 ditubuhkan bagi menjaga keamanan dunia.

Sumber : <https://www.utusan.com.my/berita/2021/12>

Bagaimanakah untuk menyelamatkan masyarakat dunia daripada peperangan?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

JAWAPAN CALON CEMERLANG

Bagaimanakah untuk menyelamatkan masyarakat dunia daripada peperangan?

Cara untuk menyelamatkan masyarakat dunia daripada peperangan ialah semua negara tidak mencetuskan peperangan antara satu sama lain. Selain itu, pemimpin kerajaan hendaklah mengamalkan cara rundingan jika menghadapi masalah antara satu sama lain. Tambahan pula, hubungan diplomatik antara negara perlu diamalkan. Kemudian, cara menyelamatkan masyarakat dunia daripada peperangan ialah semua negara mengelakkan daripada menggunakan senjata pemusnah seperti nuklear. Akhir sekali, setiap negara menggalakkan perkongsian budaya antara negara supaya mewujudkan keamanan dunia yang berkekalan.

[4 markah]

JAWAPAN CALON LEMAH TAPI TEPAT

Bagaimanakah untuk menyelamatkan masyarakat dunia daripada peperangan?

Cara untuk menyelamatkan masyarakat dunia daripada peperangan ialah jangan bergaduh antara negara. Selain itu, caranya ialah kawan baik semua negara. Cara untuk menyelamatkan ialah jaga keamanan negara. Akhir sekali, jangan guna senjata sniper sebab nanti tembak ramai orang mati.

**JOM KITA
MULAKAN**

**SOALAN
3**

TARGET MARKAH: 8/10

3. Perlembagaan Persekutuan dikuatkuasakan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957.

(a) Jelaskan maksud perlembagaan

******* Soalan Fakta (Konsep/Maksud). Jawapan mesti ayat lengkap.***

.....

.....

.....

[2 markah]

3. Perlembagaan Persekutuan dikuatkuasakan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957.

(a) Jelaskan maksud perlembagaan

****** Soalan Fakta (Konsep/Maksud). Jawapan mesti ayat lengkap.**

Maksud perlembagaan ialah undang-undang tertinggi dan undang-undang bertulis.

[2 markah]

(c) Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

JAWAPAN CALON LEMAH

(c) Pada pendapat anda, mengapakah perlembagaan penting kepada sesebuah negara?

Perlembagaan penting kepada sesebuah negara supaya langgar lampu isyarat tidak berlaku. Selain itu, orang bunuh orang tiada jenayah berlaku. Seterusnya, aman negara sentiasa ada dalam negara. Akhir sekali, perlembagaan penting kepada sesebuah negara tiada gaduh semua kaum dan hidup aman semua orang. Akhir dua kali, merdeka, merdeka merdeka kekal untuk negara.

[4 *markah*]

**JOM KITA
MULAKAN**

**SOALAN
ESEI 1**

TARGET MARKAH : 15/20

1. (a) Jelaskan maksud nasionalisme. [4 markah]

(b) Terangkan faktor teretusnya gerakan nasionalisme di negara kita. [8 markah]

(c) Beri ulasan berkaitan dengan petikan di bawah.



Bagi memastikan hasrat dan impian bagi membentuk sebuah negara maju dan berdaulat, golongan muda pada hari ini mestilah mempunyai kesungguhan dan keberanian mengambil peranan untuk mempertahankan negara dari segala bentuk ancaman. Ini hanya berlaku jika anak muda bangkit menunjukkan semangat nasionalisme dan patriotisme yang menjadi tunjang kekuatan semangat mereka.

Sumber : www.utusan.com.my

[8 markah]

(c) Beri ulasan berkaitan dengan petikan di bawah.



Bagi memastikan hasrat dan impian bagi membentuk sebuah negara maju dan berdaulat, golongan muda pada hari ini mestilah mempunyai kesungguhan dan keberanian mengambil peranan untuk mempertahankan negara dari segala bentuk ancaman. Ini hanya berlaku jika anak muda bangkit menunjukkan semangat nasionalisme dan patriotisme yang menjadi tunjang kekuatan semangat mereka.

Sumber : www.utusan.com.my

[8 markah]



Ulasannya adalah berkaitan tentang membentuk sebuah negara maju supaya negara menjadi hebat dalam bidang ekonomi.

Selain itu, negara berdaulat agar kemerdekaan negara kekal. Seterusnya, generasi muda mempunyai kesungguhan supaya berjaya dalam kehidupan dan generasi muda perlu berani mempertahankan negara supaya negara kekal aman dan tidak dijajah kuasa lain.

Selain itu, anak muda menunjukkan semangat nasionalisme agar sanggup berkorban demi negara dan mempunyai semangat patriotism supaya perasaan cinta kepada negara kekal dalam sanubari.

Seterusnya, golongan muda mesti menunjukkan kekuatan semangat agar negara kita dipandang tinggi oleh negara lain.

**JOM KITA
MULAKAN**

**SOALAN
ESEI 2**

TARGET MARKAH : 15/20

SOALAN KBAT MAKLUMAT & PETIKAN

BAB 8 TINGKATAN 5 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA

(c) Baca maklumat dalam petikan tersebut

Johor Bahru : Isu ekonomi yang tidak seimbang antara negeri dan wilayah serta kawasan bandar dan luar bandar dengan pedalaman menjadi perhatian utama kerajaan bagi mewujudkan kemakmuran bersama dalam kalangan masyarakat.

Kedah, Sarawak, Kelantan dan Sabah dikategorikan sebagai negara miskin dan jauh ketinggalan berbanding pembangunan di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Begitu juga jurang pendapatan golongan kaya dan golongan miskin serta di bandar dan luar bandar yang semakin melebar. Unjuran pendapatan antara kaum juga dilihat semakin melebar dengan jumlah pendapatan Bumiputera adalah 3.5 kali ganda lebih rendah berbanding kaum lain di Malaysia.

Jelaskan **maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut** dan **kesannya** terhadap negara sekiranya tidak diatasi.

[8 markah

CONTOH JAWAPAN

Johor Bahru : Isu ekonomi yang tidak seimbang antara negeri dan wilayah serta kawasan bandar dan luar bandar dengan pedalaman menjadi perhatian utama kerajaan bagi mewujudkan kemakmuran bersama dalam kalangan masyarakat.

Maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut ialah ketidakseimbangan pembangunan negeri dan wilayah terutama di Kawasan bandar dan pedalaman kerana kerajaan mahu memastikan kemakmuran dalam kalangan rakyat.

Kedah, Sarawak, Kelantan dan Sabah dikategorikan sebagai negara miskin dan jauh ketinggalan berbanding pembangunan di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Selain itu, negeri seperti Kedah, Sarawak dan Sabah ketinggalan dalam pembangunan seperti Kuala Lumpur dan Johor yang lebih membangun.

KESAN TERHADAP NEGARA SEKIRANYA TIDAK DIATASI


Kesannya terhadap negara sekiranya tidak diatasi ialah negara akan mundur dan imej negara terjejas. Selain itu, ekonomi menurun dan rakyat miskin.

**JOM KITA
MULAKAN**

**SOALAN
ESEI 3**

TARGET MARKAH : 15/20

- **Perpaduan kaum mesti diamalkan**
- **Pembangunan negara penting untuk kemajuan negara**
- **Hidup toleransi antara rakyat pelbagai kaum**
- **Hormati bendera kebangsaan**
- **Menyanyikan Lagu Negaraku dengan penuh semangat**
- **Mengetahui pakaian tradisonal mengikut kaum**
- **Keluarga hidup gembira**
- **Rakyat Tidak mencetuskan pergaduhan**
- **Keluarga mengamalkan nilai nilai baik**
- **Jangan cetuskan isu sensitif seperti agama**
- **Mengekalkan keamanan negara**
- **Mewujudkan kestabilan politik**

- 
- **Gemuruh jiwa semangat membara**
 - **Dari puncak ingin ke angkasa**
 - **Berkalungkan bintang berkelipan**
 - **Menyerlah jauh dari yang biasa**

Anda semua insan luar biasa, Pastikan kejayaan anda juga luar biasa. Cikgu doakan kejayaan menanti anda. Terima Kasih. Jumpa lagi gaissss!